

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

YAM 102 - Pengantar Komunikasi Massa

Tarikh: 6 April 1988

Masa: 2.15 ptg - 5.15 ptg

(3 jam)

Tempat duduk: _____

Angka Giliran: _____

Jawab SEMUA soalan. Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan.

Bahagian A: (20%)

1. Menurut Wilbur Schramm, teori (hypotesis) "two-step-flow" tidak dapat memberikan gambaran yang tepat mengenai arah pengaliran komunikasi yang sebenar. Mengapakah beliau berpendapat demikian?

2. Raymond Bauer menyatakan di dalam keadaan yang sebenar penonton bukanlah pasif tetapi adalah satu golongan yang dianggap "degil" (obstinate audience). Apakah sebab-sebab beliau berpendapat demikian?

...2/-

3. Akhbar seringkali dikatakan sebagai "the Fourth Estate". Apakah tiga cabang kuasa lain yang berkait dengan sistem politik?

4. Berikan lima (5) fungsi yang dapat dimainkan oleh institusi media seperti akhbar di dalam masyarakat minoriti (minority communication).

5. Huraikan dua (2) mekanisme pertahanan diri yang boleh digunakan oleh seorang individu untuk mengelakkan dirinya daripada dipengaruhi oleh mana-mana komunikasi yang tidak sehaluan dengannya.

6. Apakah kepentingan "Agenda setting" di dalam melaporkan sesuatu berita menurut Maxwell E. Mc Combs dan Donald Show?

...3/-

Angka Giliran: _____

7. Sarjana-sarjana komunikasi menyatakan iklan sebagai satu alat komunikasi yang paling baik. Gariskan lima (5) cara bagaimana sesuatu iklan barang itu dapat menjadi alat komunikasi kepada pengguna.

8. Terangkan tiga (3) contoh "public" dalam perhubungan awam.

9. Menurut Klapper faktor-faktor perantaraan boleh ditafsirkan sebagai:

Angka Giliran: _____

10. Ketidaksehaluan kognitif (Cognitive Dissonance) dijelaskan oleh Festinger sebagai:

11. Berikan empat (4) cara bagaimana komunikasi massa dapat berperanan dengan berkesan di dalam proses pembangunan negara seperti yang disarankan oleh Schramm?

12. Mengapakah "Kajian Pengguna" amat mustahak dijalankan oleh pihak pengiklan sebelum sesuatu barang itu dipasarkan?


...5/-

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN B: (30%)

Jawab SEMUA soalan di dalam bahagian ini.
Bulatkan jawapan yang sesuai.

1. Manakah kenyataan-kenyataan yang berikut paling sesuai bagi menerangkan situasi yang berlaku di dalam gambarajah di bawah:



- I Lapangan rujuk yang sama amat penting bagi melicinkan proses komunikasi
 - II Penerima dapat mendekod mesej yang dienkod oleh punca dengan andaian kedua-duanya mempunyai pemahaman yang sama terhadap mesej yang diadakan.
 - III Signal yang sama menjadi punca utama berlakunya komunikasi yang berkesan.
 - IV Lapangan rujuk yang sama belum mampu melicinkan komunikasi di antara punca dengan penerima.
- A. I sahaja
B. I dan III sahaja
C. II dan IV sahaja
D. I dan II sahaja

...6/-

Angka Giliran: _____

2. Manakah di antara yang berikut dapat menggambarkan ciri-ciri "Penulisan Kopi"?
 - A. "Polis telah berjaya menangkap semula semua tahanan yang telah melarikan diri dari penjara Pudu minggu lalu".
 - B. "Kasut buatan Malaysia memang telah dijamin mutunya. Ia tahan lama lagi bergaya. Cubalah sepasang, anda pasti tidak kecewa".
 - C. "Sekiranya anda tidak mahu mengikut pendapat kami, anda akan rugi kerana semua orang telah mempersetujui pendapat kami. Anda pasti tidak mahu dituduh pengkhianat bangsa!"
 - D. "Keputusan cabutan nombor bertuah itu telah diumumkan. Anda pasti menang, kalau anda mencubanya!"
3. A telah menyaman institusi Akhbar X di mahkamah kerana institusi Akhbar X telah menyiarkan satu kenyataan yang memalukan dan menjatuhkan maruah A tanpa sebarang bukti yang kukuh. Atas dasar peraturan akta apakah A boleh menyaman institusi Akhbar X?
 - A. Akhbar mesin cetak
 - B. Perlombagaan Persekutuan
 - C. Akta Fitnah
 - D. Akta Hasutan
4. Akta ini dibentuk bagi mempastikan bahawa tidak ada akhbar yang diedarkan di dalam negeri tanpa lesen/permit dan tidak ada akhbar boleh mencetak atau melaporkan berita tanpa sebarang kebenaran dari pihak kerajaan. Apakah Akta yang menggariskan kenyataan tersebut?
 - A. Akta mesin cetak
 - B. Akta Hasutan
 - C. Ordinan Kesiksaan 1948
 - D. Akta Keselamatan Dalam Negeri

Angka Giliran: _____

5. Institusi akhbar XYZ telah didaftarkan dan mempunyai nombor siri KDN. Akan tetapi KDN akhbar XYZ boleh ditarik balik oleh Menteri Dalam Negeri sekiranya:

- I Akhbar XYZ menyiarkan berita yang boleh menyebabkan berlakunya rusuhan kaum.

II Akhbar XYZ memaparkan gambar-gambar lucah yang keterlaluan yang bertentangan dengan budaya tempatan.

III Akhbar XYZ mengadakan ruangan forum yang membincangkan isu-isu perkauman.

IV Akhbar XYZ mengadakan ruangan kartun yang berunsur keganasan.

A. I, II dan III

B. I, II dan IV

C. I dan II

D. I, II, III dan IV

Siapakah sarjana komunikasi yang membentuk model di atas.

- A. David Berlo
 - B. Mc Luhon
 - C. Lasswell
 - D. Schramm

7. Siapakah sarjana komunikasi yang telah membezakan media massa ke dalam "Hot" media dan "Cool" media?

- A. David Berlo
 - B. Mc Luhon
 - C. Lasswell
 - D. Schramm

Angka Giliran: _____

8. Gangguan apakah yang terjadi di dalam komunikasi massa apabila punca bercakap dengan bahasa yang berbeza dengan penonton dan mempunyai budaya yang berbeza dengan penonton hingga menyebabkan apa yang dilakukan tidak dapat difahami oleh penonton?
- A. Gangguan Semantik
B. Gangguan Fizikal
C. Redundancy
D. Gangguan Konotatif dan Denotatif
9. Darjah pemilihan yang kita lakukan sama ada hendak mengingat atau melupakan sesuatu mesej komunikasi yang didedahkan kepada kita dikenali sebagai _____.
A. Pemilihan Pendedahan
B. Pemilihan Pengingatan
C. Pemilihan Tanggapan
D. Mekanisme Mempertahankan Diri
10. Di dalam keadaan yang bagaimanakah "Peningkatan Harapan" boleh terjadi menurut Lerner?
I Apabila pengaliran maklumat mengenai pembangunan di negara maju didedahkan kepada penduduk di negara yang kurang maju.
II Apabila berlakunya peniruan terhadap informasi-informasi pembangunan dari negara maju kepada negara mundur.
III Apabila wujudnya kawalan terhadap pengaliran informasi dari negara maju iaitu dengan mendedahkan informasi-informasi yang sesuai sahaja kepada masyarakat setempat.
IV Apabila segala bentuk gangguan yang berlaku di dalam proses komunikasi dapat dielakkan.
A. I, II dan IV
B. II, III dan IV
C. I, II dan III
D. Semua di atas adalah betul

Angka Giliran: _____

11. Anda telah menulis satu artikel bertajuk "Kerajaan dan Penyelewengannya" yang mendedahkan butir-butir penyelewengan yang kononnya berlaku terutama daripada segi kewangan. Butir-butir penyelewengan itu dalam bentuk data-data dan perangkaan yang menjadi rekod rahsia kerajaan yang anda perolehi daripada satu sumber yang dirahsiakan. Atas dasar apakah anda boleh ditahan oleh pihak kerajaan?
 - A. Anda ditahan di bawah Akta Rahsia Resmi (OSA) 1986 kerana mendedahkan rekod rahsia kewangan negara.
 - B. Anda ditahan di bawah Akta Fitnah kerana cuba memburuk-burukkan kerajaan.
 - C. Anda ditahan di bawah Akta Hasutan kerana cuba memperlakukan pihak kerajaan dengan rakyat.
 - D. Anda ditahan di bawah Akta Mesin Cetak kerana menyiar artikel yang bertentangan dengan polisi kerajaan.
12. Yang manakah berikut BUKAN keadaan yang boleh mendatangkan kesan sosial, sepetimana yang diutarakan oleh Lazarsfeld dan Merton?
 - A. monopolization
 - B. canalization
 - C. supplementation
 - D. narcotizing disfunction
 - E. tidak ada satu pun di atas
13. Yang manakah dari berikut TIDAK bersangkut-paut dengan Model Penyerapan Amalan-Amalan Baru (Diffusion Model)?.
 - A. S-Curve
 - B. Bell-Curve
 - C. J-Curve
 - D. Kategori Pengamal
 - E. tidak ada satu pun di atas

Angka Giliran: _____

14. Antara tugas-tugas TERPENTING yang perlu diselaraskan dalam menjalankan sebuah kempen periklanan termasuklah:

- I penyelidikan pengguna
 - II press-agentry
 - III penganalisaan media
 - IV anggaran perbelanjaan
 - V seranta
 - VI penilaian
- A. I, III dan VI
 - B. I, III, IV dan VI
 - C. I, III dan IV
 - D. II dan IV
 - E. semua di atas

15. Yang manakah dari berikut merupakan aktiviti perhubungan awam?

- I galakan produk
 - II seranta
 - III hal-ehwal awam
 - IV pembungkusan
 - V periklanan institusi
 - VI kajian pendapat
- A. I, II, III dan VI
 - B. II, III dan VI
 - C. I, IV dan V
 - D. I, II, III, V dan VI
 - E. semua di atas adalah salah

Angka Giliran: _____

16. Yang manakah daripada berikut merupakan kenyataan Cartwright mengenai kesan komunikasi.

- I Mesej komunikasi mesti sampai kepada pancaindera penonton yang ingin dipengaruhi.
 - II Faktor-faktor perantaraan akan menentukan kekesanan sebuah mesej komunikasi.
 - III Mesej tersebut mesti diterima sebagai sebahagian daripada struktur kognitif.
 - IV Untuk membawa kepada sesuatu tingkahlaku, satu sistem kognitif dan motivasi mesti dapat mengawal kelakuan penonton pada satu-satu masa.
 - V Kesan komunikasi hanya boleh wujud sekiranya terdapat perubahan dari segi kognitif, motivasi dan tingkahlaku.
- A. I, II, III dan IV
 - B. I, III dan IV
 - C. II, IV dan V
 - D. II dan V
 - E. semua di atas

17. Dalam kajian tabiat pengundi, Lazarsfeld mendapati bahawa:

- A. Pengaruh media massa ke atas tabiat mengundi orangramai adalah kecil sahaja.
- B. Kebanyakan daripada pengundi tetap dengan pendirian mereka dari sebelum hinggalah selepas pilihanraya.
- C. Mereka yang mengubah pendirian sebahagian besarnya dipengaruhi oleh komunikasi interpersonal.
- D. Pemimpin dapat memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi keputusan mengundi.
- E. Semua di atas.

Angka Giliran: _____

18. Yang manakah daripada berikut merupakan ciri sistem media libertarian/free press?

- I Media massa secara keseluruhan mestilah mencerminkan perbezaan-perbezaan dalam masyarakat dan menyediakan platform bagi pihak-pihak berlainan untuk menyuarakan pendapat.
 - II Tidak ada halangan bagi pemungutan, secara sah, maklumat bagi penerbitan.
 - III Mana-mana percanggahan dan perbalahan pendapat boleh di atasi melalui proses kehakiman.
 - IV Tidak halangan terhadap pengaliran maklumat antara negara.
 - V Penerbitan tidak memerlukan lesen.
 - VI Tidak ada paksaan untuk membuat mana-mana penerbitan.
 - VII Media berfungsi sebagai "watch-dog" dalam masyarakat.
- A. I, II, IV dan V
 - B. I, IV, V dan VII
 - C. II, III, IV, V dan VI
 - D. Semua di atas
 - E. Semua di atas adalah salah

19. Yang manakah daripada berikut merupakan PERBEZAAN antara sistem media authoritarian dan Soviet Komunis?

- I media harus memenuhi kepentingan kerajaan
 - II media tidak harus dimiliki oleh pihak swasta
 - III secara keseluruhan media harus bertindakbalas terhadap kehendak penonton
 - IV masyarakat mempunyai hak untuk menapis atau menggunakan langkah-langkah perundangan lain untuk menghalang atau menghukum penonton-penonton tertentu
 - V media mesti tunduk kepada kerajaan
 - VI semua penerbitan mesti memohon lesen daripada kerajaan
- A. III, IV dan V
 - B. I, IV dan V
 - C. I, III, IV dan V
 - D. II dan VI
 - E. Semua jawapan di atas salah

Angka Giliran: _____

20. Dalam Mass Media and National Development, Schramm membincangkan fungsi-fungsi media massa dalam pembangunan. Yang manakah daripada berikut merupakan fungsi-fungsi yang diutarakan oleh beliau:

- I memberi informasi
- II pengambilan keputusan
- III mendidik
- IV pemberian darjat
- V pengawasan
- VI penyebaran warisan sosio-budaya

- A. I, IV dan VI
- B. I, III, IV dan V
- C. II, III, IV, V dan VI
- D. I, II dan III
- E. IV, V dan VI

BAHAGIAN C: (50%)

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

1. **SAMA ADA**

- a. Huraikan undang-undang berkaitan dengan media massa yang wujud di negara ini. Lantaran itu, bincangkan implikasi-implikasi undang-undang tersebut terhadap perjalanan organisasi media.

ATAU

- b. Terdapat pandangan-pandangan berlainan sarjana-sarjana komunikasi mengenai kesan media massa terhadap masyarakat. Berasaskan bahan-bahan bacaan anda, huraikan pandangan-pandangan tersebut.

2. **SAMA ADA**

- a. Komunikasi massa dikatakan mampu untuk mengukuhkan norma-norma yang telah sedia ada di dalam masyarakat. Dengan mengambil perkembangan komunikasi massa di Malaysia sebagai contoh, terangkan bagaimana komunikasi massa dapat berfungsi mengukuhkan norma-norma yang telah sedia ada itu.

Angka Giliran: _____

ATAU

- b. Televisyen dan filem lebih banyak mendatangkan keburukan daripada kebaikan. Apakah anda bersetuju dengan pendapat ini? Berikan hujah-hujah anda sama ada bersetuju atau tidak.

-0000000-

...15/-

-15-

(YAM 102)

Angka Giliran: _____

...16/-

-16-

(YAM 102)

Angka Giliran: _____

...17/-

-17-

(YAM 102)

Angka Giliran: _____

...18/-

329

-18-

(YAM 102)

Angka Giliran: _____

...19/-

-19-

(YAM 102)

Angka Giliran: _____

...20/-